

Kesihatan Tun Mahathir memberangsangkan

UM - 20/5/2007

BUKIT MERTA JAM 19 Mei - Tahap kesihatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terus menunjukkan perkembangan positif dan semakin pulih.

Anak beliau, Datuk Mokhzani berkata, proses pemulihan bapanya berjalan lancar dengan pemeriksaan dan rawatan rutin mencapai tahap memberangsangkan.

"Alhamdulillah, bapa saya semakin pulih," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Pusat Porsche Pulau Pinang oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di Auto-City, Juru, di sini.

Beliau berkata, demikian ketika ditanya mengenai keadaan Dr. Mahathir yang sedang menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur selepas dipindahkan dari Hospital Langkawi pada 15 Mei lepas.

- Bernama